

13/07/2000

Amerika ada agenda besar di Malaysia

PADA 22 Jun lalu, satu persidangan membabitkan Agensi Perisikan Pusat (CIA), Jabatan Negara dan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat diadakan di Washington, khusus untuk membincangkan soal kepemimpinan dan masa depan Malaysia. Matlamat persidangan itu menimbulkan banyak persoalan. Alasan bahawa kerajaan Amerika Syarikat mahu memastikan negara ini tidak menghadapi kejutan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan, tidak boleh diterima. Ia tidak sedikit pun meyakinkan rakyat negara ini apa perlunya persidangan itu diadakan. Yang pasti, Amerika Syarikat mempunyai agenda yang lebih besar terhadap Malaysia. Dendam mereka terhadap negara ini, tidak boleh dibendung lagi. Apa cara sekali pun, mereka mahu melihat keadaan di negara ini kucar kacir. Mereka mula merancang dengan membabitkan CIA. Sememangnya CIA sentiasa memerhatikan setiap perkembangan di negara ini dan membuat laporan ke Washington.

Apa kaitan CIA dengan masa depan Malaysia? Jika dianjurkan oleh pelabur atau syarikat besar, ia mungkin ada kaitannya dengan masa depan pelaburan asing dan perniagaan di Malaysia. Tetapi, apabila ia disertai agensi perisik, ia jelas menunjukkan negara itu mempunyai tujuan yang tersembunyi. Kita perlu tahu siapa penceramah yang diundang dan kecondongan politik mereka, sebelum persidangan itu boleh membuat sebarang ramalan. Apakah disebabkan ia sebuah kuasa besar, Amerika boleh melakukannya sesuka hati? Apakah petanda politik yang mereka gunakan untuk meramal masa depan negara ini? Sekali imbas, bolehlah dianggap persidangan itu memperkecilkan kemampuan pemimpin yang akan mewarisi tampuk pemerintahan negara ini. Cuma, mereka lupa bahawa kekuatan kepemimpinan negara ini terletak kepada perpaduan rakyat. Jika rakyat memberi sokongan kepada pemimpin, tidak ada kuasa yang boleh menjatuhkan mereka.

Apa yang jelas, Amerika Syarikat meletakkan Malaysia pada tahap yang tinggi dalam senarai kepentingan strategik mereka. Sekali lagi kita mempersoalkan siapakah yang memberi mandat kepada persidangan itu untuk membuat ramalan mengenai masa depan Malaysia? Apakah ramalan yang sama turut dilakukan terhadap negara lain? Ramalan tidak semestinya tepat, tetapi memang inilah tujuan mereka kerana dengan berbuat demikian, keyakinan masyarakat dunia terhadap Malaysia boleh terjejas. Dengan membuat ramalan akan berlaku ketidakstabilan politik, termasuk persengketaan dalam Umno selepas Dr Mahathir melepaskan jawatan, panel persidangan itu juga meramalkan krisis baru ekonomi dalam tempoh tiga hingga lima tahun.

Apakah kegiatan seperti ini tidak boleh ditakrifkan sebagai usaha Amerika untuk mempengaruhi pendirian pihak tertentu terhadap negara ini? Hasilnya, ia akan menimbulkan polemik dan menjadi topik perbincangan politik. Dr Mahathir sudah nampak tujuan persidangan itu dan membuat andaian bahawa ramalan persidangan itu adalah sesuatu yang mereka ingin lihat berlaku kepada Malaysia. Semuanya timbul kerana ingin melihat kestabilan negara tergugat. Apakah salah kalau kita andaikan ada pihak berkewajipan tertentu di Amerika tidak mahukan kestabilan yang berterusan di negara ini?

(END)